



## MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

### JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

PARAS 17, KOMTAR, JALAN PENANG, 10675 PULAU PINANG

Hotline : 04-263 7637 , 263 7000 Tel. : 04-259 2020 Fax : 04-262 6260 <http://www.mbpp.gov.my>

#### SOALAN LAZIM BAGI KEBENARAN *DINE-IN* DI PREMIS MAKANAN

**1. Apakah permis-premis makanan yang dibenarkan untuk *dine-in*?**

Hanya restoran / *café* / medan selera yang terletak dalam pasar raya (*Shopping Mall*), serta seksyen F&B dalam hotel dan francais makanan segera diberi kebenaran untuk *dine-in* bagi kelulusan fasa pertama.

**2. Bilakah kebenaran *dine-in* bagi fasa pertama mulai berkuatkuasa?**

Mulai 15 Mei 2020.

**3. Adakah F&B bagi semua hotel dibenarkan?**

Semua hotel yang mempunyai seksyen F&B sedia ada dalam premis hotel dibenarkan untuk *dine-in*.

**4. Adakah hidangan *buffet breakfast* dibenarkan dalam hotel?**

Mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara, restoran dan *café* dalam hotel tidak dibenarkan bagi tujuan *buffet*. Hidangan secara *ala carte* sahaja dibenarkan dalam seksyen F&B hotel.

**5. Adakah *lounge bar* dalam hotel dibenarkan beroperasi?**

Sejajar dengan arahan Majlis Keselamatan Negara, *lounge bar* adalah termasuk dalam senarai aktiviti yang dilarang.

6. **Adakah francais makanan segera yang terletak di luar pasar raya diberi kebenaran *dine-in*?**

Ya, semua francais makanan segera diberi kebenaran untuk *dine-in*.

7. **Apakah SOP yang perlu dipatuhi?**

Pengusaha-pengusaha premis makanan perlu mematuhi semua syarat dan mengambil tindakan mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang seperti mana yang dipaparkan dalam infografik Majlis.

8. **Adakah pekerja warga asing seperti pelayan (*waiter / waitress*) yang bekerja dalam restoran saya perlu menjalankan ujian Covid-19?**

Ya, ujian PCR (*Polymerase Chain Reaction*) adalah diwajibkan bagi semua pekerja warga asing yang bekerja di semua sektor.

9. **Apakah tindakan yang akan diambil sekiranya gagal mematuhi SOP?**

Premis makanan yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan akan diarahkan tutup dengan serta-merta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

10. **Adakah premis makanan lain dibenarkan *dine-in*?**

Tidak. *Dine-in* masih tidak dibenarkan di semua premis makanan selain daripada kategori di atas tetapi beroperasi dengan kaedah secara bungkus dan bawa balik (*take away*) atau perkhidmatan penghantaran (*delivery*) dibenarkan.

11. Senarai Pasar Raya (*Shopping Mall*) yang dibenarkan untuk *dine-in*:

- a. Queensbay Mall
- b. Gurney Plaza
- c. Gurney Paragon Mall
- d. 1<sup>st</sup> Avenue
- e. Tesco Hypermarket
- f. Giant Hypermarket
- g. Sunshine
- h. GAMA Supermarket
- i. TF Value Mart
- j. Prangin Mall
- k. Penang Times Square
- l. Kompleks Bukit Jambul
- m. Straits Quay